

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SBU344 – Pembangunan dan Pentadbiran Tanah

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA(3) soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Jelaskan konsep-konsep berikut dengan ringkas:
 - i) hak mengguna (*usufructuary rights*)
 - ii) kaveat (*caveat*)
 - iii) pemilikan berlawanan (*adverse possession*)
 - iv) lesen pendudukan sementara (*temporary occupation license*)
 - v) pelupusan tanah (*land alienation*)

2. Huraikan perkara-perkara berikut:
 - i) Perbezaan antara syarat-syarat nyata dan syarat-syarat tersirat dalam penggunaan tanah.

 - ii) Perlindungan ke atas pemilik tanah apabila tanah diambil semula oleh kerajaan di bawah Akta Pengambilan Semua (1960).

3. Huraikan perkara-perkara berikut:
 - i) Bagaimana dan kenapa tanah yang telah dilupuskan boleh bertukar menjadi tanah kerajaan?
 - ii) Apakah ciri-ciri utama yang membezakan tanah di bawah Akta Penempatan Ramai-Ramai (1960) dengan tanah-tanah lain di Semenanjung Malaysia?
4. Intipati sistem pemilikan tanah Torrens di Semenanjung Malaysia ialah konsep "hak milik yang tidak boleh disangkal" (*indefeasibility of title*). Jelaskan erti konsep tersebut dan bincangkan pengecualian-kecualian serta perkara-perkara yang boleh mencabar konsep tersebut.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan tanah Rizab Melayu? Bincangkan kekuatan dan kelemahan konsep pemilikan tanah tersebut.
6. Sistem pemilikan dan penggunaan tanah di Semenanjung Malaysia adalah bersesuaian dengan keperluan pembangunan tanah semasa. Bincangkan.

- oo o0o oo -